




BERITA MUSLIMIN

MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK) TAHUN 2026

Beberapa siri Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) Tahun 2026 telah berjaya dilaksanakan mengikut kawasan masing-masing di lokasi dan waktu yang berbeza sepanjang tempoh yang ditetapkan. Program ini melibatkan penyertaan ahli-ahli koperasi dari pelbagai kawasan bagi membincangkan agenda penting berkaitan perkembangan, prestasi dan hala tuju organisasi.

Setiap mesyuarat telah berlangsung dengan lancar dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada para anggota. Antara pengisian utama yang dibentangkan termasuk laporan aktiviti tahunan, pencapaian semasa koperasi, laporan kewangan, cadangan penambahbaikan perkhidmatan serta perancangan program bagi tahun 2026.



Selain itu, ahli-ahli turut mengambil peluang untuk menyuarakan pandangan, cadangan dan idea baharu demi memperkukuhkan lagi pengurusan serta meningkatkan manfaat kepada seluruh anggota koperasi. Semangat kerjasama dan komitmen yang ditunjukkan oleh semua ahli membuktikan keprihatinan terhadap pembangunan koperasi secara berterusan.

Pihak pengurusan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua ahli yang hadir serta jawatankuasa yang terlibat dalam memastikan setiap sesi Mesyuarat Agung Kawasan berjalan dengan teratur dan jayanya. Diharapkan hasil daripada mesyuarat ini akan terus memacu kecemerlangan koperasi pada masa hadapan.

Sambutan Hari Raya *Koperasi Muslimin*

Koperasi Muslimin Malaysia Berhad telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2026 dengan penuh meriah bertempat di Pejabat Koperasi Muslimin Malaysia, Tingkat 3 pada 17 April 2026. Majlis yang dianjurkan ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli koperasi, kakitangan serta para jemputan yang hadir.

Majlis ini bukan sahaja dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah Koperasi selaku tuan rumah, iaitu Tn. Haji Muhamadewa bin Said @ Ibrahim (Timbalan Pengerusi) Dato' Che Ab Rahim Bin Che Daud (Naib Pengerusi) dan Tn. Haji Mohamad Noor Bin Mohamad (Setiausaha) , malah turut diserikan dengan kehadiran tetamu-tetamu kehormat yang terdiri daripada Muhammad Farid Bin Zulkefly selaku Juru Audit Dalaman, Datuk Ustaz Mohamad Bin Haji Abdullah selaku Anggota Lujnah Syariah serta Datuk Abdul Aziz Bin Che Yacob selaku Setiausaha Lujnah Syariah

Majlis bermula dengan sesi ramah mesra dan disusuli dengan jamuan pelbagai jadah hari raya seperti ketupat, rendang, satay, lemang dan aneka kuih-muih tradisional. Suasana sambutan menjadi lebih meriah dengan kehadiran ahli-ahli koperasi bersama keluarga yang tampil mengenakan pakaian hari raya berwarna-warni.

Selain itu, pelbagai aktiviti turut diadakan sepanjang majlis seperti sesi bergambar, cabutan bertuah serta penyampaian duit raya kepada kanak-kanak. Sambutan ini bukan sahaja menjadi platform untuk meraikan Aidilfitri, malah turut memperkukuhkan semangat kekeluargaan dan kerjasama dalam kalangan warga koperasi.

Pihak pengurusan koperasi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan sokongan dalam menjayakan majlis ini. Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memupuk hubungan yang lebih erat serta mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan positif.



MUKHAYYAM JKPK WP KUALA LUMPUR DI PULAU MABUL, SEMPORNA, SABAH

Program Mukhayyam Mabul JKPK WPKL 2026 telah berjaya dilaksanakan pada 25 hingga 28 April 2026 di Pulau Mabul, Sabah dengan penyertaan ahli-ahli JKPK Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta anggota koperasi yang hadir dari pelbagai kawasan. Program ini diadakan bagi mengeratkan ukhuwah, memupuk semangat kerjasama serta memperkukuhkan nilai kerohanian dalam kalangan peserta



Program turut diserikan dengan pembentangan kertas kerja bertajuk “Tabayyun: Kemurnian Hidup dan Keharmonian Bermasyarakat” oleh Tn. Haji Muhamadewa bin Said @ Ibrahim, Timbalan Pengerusi KMMB yang menekankan kepentingan amalan tabayyun dalam membentuk masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Selain itu, para peserta turut mengikuti kuliah Subuh yang disampaikan oleh Ustaz Abu Bakar bin Mohamad Noor Al-Hafiz selepas menunaikan solat Subuh berjemaah. Pengisian rohani tersebut memberikan motivasi serta penekanan terhadap kepentingan menjaga ukhuwah dan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.



Program ini juga dimeriahkan dengan aktiviti gotong-royong kenduri rakyat bersama penduduk setempat yang berjaya memupuk semangat kebersamaan, silaturahim dan budaya bantu-membantu dalam masyarakat.

Di samping itu, peserta turut berpeluang menyertai aktiviti riadah santai seperti snorkeling di sekitar pulau-pulau berhampiran Pulau Mabul yang terkenal dengan keindahan alam semula jadi dan kejernihan air lautnya.



Secara keseluruhannya, program ini berlangsung dalam suasana penuh harmoni, ceria dan semangat kekeluargaan serta menjadi kenangan indah buat semua peserta yang hadir.

KOPSYA (PENYERAHAN CEK DEPOSIT AL TATHMIR RM500,000.00)



Alhamdulillah, majlis penyerahan cek deposit Al-Tathmir berjumlah RM500,000.00 di Pejabat KOPSYA telah berjalan dengan lancar. Mewakili pihak KMMB, serahan ini telah disempurnakan oleh Setiausaha kita, Haji Mohamad Noor bin Mohamad kepada Pengerusi KOPSYA, YBhg. Dato' Seri Dr. Abdul Fattah Haji Abdullah. Sesi yang ringkas tapi bermakna ini turut disaksikan oleh Anggota Lembaga KOPSYA dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Puan Hajah Fatimah Norhaliza Mohd Hatta.

Langkah menempatkan deposit ini adalah salah satu usaha berterusan pihak KMMB untuk memastikan dana koperasi diuruskan di tempat yang selamat dan patuh Syariah. Pada masa yang sama, ia diharap dapat menjana pulangan yang baik untuk manfaat semua anggota KMMB. Semoga kerjasama dan ukhuwah antara KMMB dan KOPSYA ini akan terus kukuh pada masa akan datang. Terus maju jaya!

PERUTUSAN BENDAHARI

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya,



Koperasi Muslimin Malaysia Berhad (KMMB) terus berkembang maju serta aktif melaksanakan pelbagai program dan aktiviti demi manfaat seluruh anggota.

Selaku Bendahari KMMB , saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua anggota atas sokongan, kepercayaan dan kerjasama yang berterusan dalam memastikan perjalanan KMMB ini sentiasa dalam ruanglingkup governan yang mampan dan tersusun serta berjalan dengan lancar, teratur dan berdaya saing.

Komitmen serta semangat kebersamaan yang ditunjukkan oleh semua pihak amat penting dalam memperkukuhkan kedudukan kewangan dan memacu pembangunan KMMB ke arah yang lebih cemerlang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan setinggi tinggi tahniah dan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh Anggota Lembaga Koperasi, Pengurusan, JKPK Negeri, Anggota dan Wargakerja Koperasi kepada KMMB dan Anak Syarikat iaitu Muslimin Travel & Tours Makaysia (MTTM).

Pihak KMMB akan terus komited untuk menguruskan kewangan secara telus, berhemah dan berintegriti demi menjaga kepentingan serta kebajikan seluruh anggota. Dalam masa yang sama, pelbagai aktiviti berbentuk kebajikan, keagamaan dan kemasyarakatan akan terus dipergiatkan sebagai usaha memperkukuhkan ukhuwah, memupuk semangat perpaduan dan mengeratkan hubungan sesama anggota serta masyarakat setempat.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama terus memberikan sokongan padu serta memainkan peranan masing-masing agar KMMB ini terus maju, kukuh dan mampan, seterusnya mampu memberi manfaat yang berpanjangan kepada seluruh anggota.

Sekian, terima kasih.